

Tiga pemimpin PKR didakwa kerana hadiri himpunan Black 505
Malaysian Insider
Aug 6 , 2013
OLEH RITA JONG

Tiga pemimpin muda PKR menjadi kumpulan ketiga didakwa kerana Black505 yang diadakan di Padang Merbok pada Jun lalu.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin; timbalannya, Khairul Anuar Ahmad Zainuddin dan Ketua AMK Negeri Sembilan, Nazree Yunus dituduh di Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur pagi tadi.

Mereka dituduh terbabit dalam perhimpunan berhampiran masjid di Universiti Malaya di antara 12.30 tengahari dan 1.15 petang pada 22 Jun.

Shamsul Iskandar yang juga Ahli Parlimen Bukit Katil, Khairul Anuar dan Nazree dituduh mengikut Seksyen 4(2)(b) Akta Perhimpunan Aman (APA) yang melarang mereka berhimpun berhampiran rumah ibadat. Mereka boleh didenda sehingga RM20,000 jika disabitkan kesalahan.

Dua minggu lalu, tujuh individu termasuk dua ahli politik - Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli dan pemimpin DAP Anthony Loke - dituduh kerana gagal memberi notis 10 hari kepada polis seperti yang ditetapkan.

Mereka dituduh atas kapasiti penganjur perhimpunan. Seminggu selepas itu, 33 aktivis dituduh menyertai perhimpunan di hadapan bangunan Parlimen dan mengadakan rusuhan.

Di mahkamah hari ini, Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Huda Mohd Nor mencadangkan jaminan bon RM2,000.

Peguam Yusmadi Yusof dan A Jayaseelan meminta bon dikurangkan kepada RM1,000.

Yusmadi berkata, pihaknya akan mencabar isu rumah ibadat tidak sepatutnya dilarang kepada orang awam untuk berhimpun.

"Jika anda berhimpun di masjid, pastinya tujuan jelas adalah untuk mendirikan sembahyang," katanya.

Hakim Mat Ghani Abdullah memberi kebenaran tiga individu berkenaan diberikan bon RM2,000 setiap seorang tanpa deposit.

Beliau memutuskan 23 September dan 11 hingga 13 Disember sebagai hari perbicaraan.

Selepas prosiding, Yusmadi memberitahu pemberita yang beliau akan mempertimbangkan permohonan Mahkamah Tinggi bagi menetapkan satu deklarasi meletakkan masjid bukan tempat yang dilarang untuk berhimpun.

"Ini melanggar hak dan kebebasan agama. Tuduhan itu menyebut tiga berkenaan didapati bersalah di antara 12 tengahari dan 1.15 petang," katanya.

"Ini adalah masa orang menunaikan sembahyang."

Beliau berkata, Hari Raya semakin hampir jadi tiada yang ganjil orang berhimpun untuk mengerjakan solat.

Perhimpunan Black505 yang mencatatkan kehadiran 20,000 orang berhimpun di sepanjang jalan bagi melahirkan rasa tidak puas hati terhadap keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada 5 Mei lalu yang didakwa berlaku penipuan dan salah laku. – 6 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiga-pemimpin-pkr-didakwa-kerana-ha-diri-himpunan-black-505>